

UMS muncul juara Liga IPT 2010 Zon Borneo 2

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

KOTA KINABALU: Gelaran juara tetap milik Universiti Malaysia Sabah (UMS) walaupun menamatkan jadual dengan kekalahan 1-2 di tangan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada kejohanan Liga Bola Sepak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2010 peringkat Zon Borneo 2 penghujung minggu lalu.

Lima belas mata yang dikutip UMS sebelum perlawanan itu sudah memadai buatnya bergelar juara kerana ia sudah tidak mampu diatasi pasukan lain.

Bagaimanapun kemenangan membolehkan UiTM melonjak ke tangga kedua berdasarkan kelebihan jaringan berbanding Kolej Komuniti Tawau (KKT) walaupun masing-masing telah mengumpul 12 mata.

UiTM jugamendapat tambahan tiga mata percuma apabila keputusan perlawanan di mana mereka kalah 1-2 kepada pasukan Politeknik Kota Kinabalu (PKK) pada 6 Mac dibatalkan kerana lawan menurunkan pemain yang tidak dibenarkan. UiTM diberikan kemenangan 3-0 untuk perlawanan itu.

Kedudukan UiTM dan KKT yang telah menamatkan jadual dan kini berada ditangga kedua

dan ketiga bagaimanapun masih boleh digugat pasukan PKK dan Kolej Yayasan Sabah (KYS) akan saling bertemu sebagai penamat pertandingan liga berkenaan.

KYS dan PKK yang telah mengumpul sembilan mata dijadualkan bertemu pada 16 April dan masing-masing perlukan jaringan besar untuk memintas pasukan UiTM dan KKT.

Pertandingan peringkat Zon Borneo 2 berkenaan melibatkan tujuh pasukan yang bersaing secara liga satu pusingan bagi menentukan penyandang gelaran juara seterusnya mewakili zon Borneo 2 ke pertarungan antara juara-juara zon.

Zon Borneo 2 adalah salah satu dari lapan zon yang terlibat dalam kejohanan khusus untuk IPT di seluruh negara berkenaan.

Selain tempat ke pertarungan antara juara-juara, penyandang gelaran juara peringkat zon juga akan menerima hadiah wang tunai RM10,000.

Ia adalah kejohanan bagi merebut Piala Menteri Pengajian Tinggi Malaysia yang dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MAUUM).